



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (K&P)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**18 JULAI 2019 (KHAMIS)**



---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**18 JULAI 2019 (KHAMIS)**



# 14,600kg baja kawalan dirampas

**Kilang beroperasi sejak enam bulan lalu tidak miliki lesen sah**

NORMAWATI ADNAN

IPOH

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak merampas 14,600 kilogram baja bernilai RM20,293 dalam sebuah di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Pengkalan di sini kelmarin.

Serbuan sekitar jam 5 petang itu dilakukan selepas mendapati kilang yang

beroperasi sejak enam bulan lalu tidak mempunyai lesen barang kawalan baja yang sah untuk menjalankan aktiviti menyimpan, membungkus dan mengedar.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perak, Khalid Tik berkata, pemilik premis mengaku tidak pernah membuat permohonan lesen ke pejabat KPDNHEP untuk menjalankan aktiviti berkenaan.

"Hasil pemeriksaan kita dapati pemilik premis menjadikan kilang ini sebagai stor simpanan baja.

"Selepas memproses bahan-bahan mentah termasuk habuk kayu dan tanah bakar, mereka akan membungkus dan mengedarkan kepada pelanggan di seluruh Perak dan negeri bersempadan seperti



Khalid (tiga dari kanan) menunjukkan baja pertanian yang dihasilkan di sebuah kilang yang beroperasi tanpa permit sah.

Selangor, Pulau Pinang dan Kedah," katanya pada sidang media di kilang berkenaan semalam.

Menurutnya, seorang

lelaki berusia 57 tahun yang mengaku sebagai pemilik premis serta empat pekerja warga asing ditahan untuk diambil keterangan.

"Daripada aduan awam yang diperoleh, kita dapati wujud aktiviti penyelenggaraan barang kawalan bersubsidi disimpan dalam

kuantiti yang mencurigakan. Sehubungan itu sebanyak 438 beg baja pelbagai jenama telah disita bagi tujuan siasatan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Peraturan-peraturan Kawalan Bekalan 1974.

"Sekiranya didapati bersalah, individu terlibat boleh dihukum denda tidak lebih RM1 juta atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala hukuman denda tidak melebihi RM2 juta bagi pertubuhan yang melakukan kesalahan tersebut," katanya.

Beliau berkata, bagi tempoh tujuh bulan pertama ini, sebanyak dua kes melibatkan barang kawalan baja telah disiasat KPDNHEP Perak dengan jumlah sitaan lebih RM1.37 juta.

## 149 premis terima penarafan Zon Perdagangan Terpilih

**Johor Bahru:** Sebanyak 149 premis diberi penarafan sebagai Zon Perdagangan Terpilih (ZPT) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), sejak inisiatif berkenaan diperkenalkan pada 2012.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata penarafan ZPT itu sebagai pengiktirafan oleh kerajaan kepada premis yang menjalankan perniagaan secara beretika.

Katanya, pengiktirafan itu memberi manfaat bukan sahaja kepada pemilik premis, tetapi kepada pengguna.

"Kementerian akan membantu melakukan promosi bagi premis yang diberi penarafan ZPT.

"Selain itu kerajaan juga akan meletakkan premis berkenaan dalam direktori pelancongan negara.

"Bagi pengguna pula, penara-

fan ini jaminan bahawa kedai di dalam premis berkenaan mematuhi undang-undang dalam menjalankan perniagaan mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Penarafan ZPT Zon Selatan 2019 di pusat beli belah Komtar JBCC di sini, semalam.

Sejak diperkenal pada 2012 hingga 2018, sebanyak 110 premis di seluruh negara diiktiraf sebagai ZPT, manakala 39 premis lain diberi pengiktirafan sama pada tahun ini.

Pada majlis itu, Saifuddin Nasution mengumumkan, sembilan premis di selatan tanah air yang diberi pengiktirafan ZPT memabitkan Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Antaranya pusat beli belah Komtar JBCC Mall, Sutera Mall, Plaza Kota Tinggi, AEON Mall, Seremban 2 dan Freeport A'Famosa Outlet, Melaka.